



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

HUBUNGAN DI ANTARA PERSONALITI EKSTROVERT-INTROVERT DENGAN NILAI DI KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH

AKMA BT. ABD. HAMID



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2004



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

HUBUNGAN DI ANTARA PERSONALITI EKSTROVERT-INTROVERT DENGAN NILAI DI KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH

AKMA BT. ABD. HAMID



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SEBAHAGIAN SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PSIKOLOGI PENDIDIKAN)**

**FAKULTI SAINS KOGNITIF DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2004



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGAKUAN:

Saya mengaku karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya

2 April 2004


AKMA BT. HJ. ABD. HAMID
200100258





***SEJAMBAK KASIH KU KALUNGAN TANDA BERSYUKUR KE HADRAT
ALLAH (S.W.T) DI ATAS SOKONGAN DAN PENGORBANAN YANG TULUS
IKHLAS SEPANJANG MENYIAPKAN DISERTASI INI KHUSUSNYA KEPADA :***

AYAHANDA & BONDA

HJ. ABD. HAMID YAACOB & HAJJAH MEEK WOOK YAHYA

UNTUK SAUDARA-SAUDARA KU

***AKLIMA & RAJA ASAM
ASMA BT. ABD. HAMID
ABD. RAZAK & NORAIZAM
SITI HAJAR & MOHD. RASHIDI
HALIMAHTON SAADLAH & BAHARUDIN
ABD. MALEK ABD. HAMID***

ANAK-ANAK BUAH KESAYANGAN ALANG

***RAJA AMMAR ASYRAF
RAJA AHMAD LUTFI
SITI MARYAM NABIHAH
FATIN HANIS NAJIHAH
FATIN HANIS NAJWA***





PENGHARGAAN

Bersyukur kepada Allah kerana dengan hidayah dan taufiqNya dapat jua kajian ini disempurnakan. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih terutama kepada penyelia pertama Prof. Madya Dr. Othman Lebar dan penyelia kedua Prof. Madya Dr. Hj. Bhasah Hj. Abu Bakar yang banyak memberi tunjuk ajar, bimbingan serta teguran yang bermanfaat dalam menyiapkan kajian ini.

Penghargaan dan terima kasih juga saya tujukan kepada Prof. Datin Dr. Noran Fauziah Yaakob, Prof. Madya Dr. Kamarulzaman Kamaruddin, Prof. Madya Dr. Shaharudin Ab. Aziz dan Pn. Mahani Razali yang bertanggungjawab menilai serta memberi teguran membina terhadap penulisan disertasi ini.

Terima kasih juga ditujukan khas kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan pengetua-pengetua di sekolah-sekolah kajian iaitu SMK. Sultan Ismail, SMK. Chukai, SMK. Geliga, SMK. Chenah Baru dan SMK. Sultan Ismail II, Kemaman, Terengganu.

Ucapan terima kasih ini turut ditujukan kepada pelajar-pelajar yang memberi kerjasama menjawab soal selidik yang diedarkan.

Penghargaan dan terima kasih juga kepada Prof. Dr. Sufean Hussin, Universiti Malaya dan Prof. Dr. Yahya Mahmood, Universiti Kebangsaan Malaysia yang turut memberi sokongan dalam menyempurnakan disertasi ini.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih ditujukan khas kepada kakitangan Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia dan kakitangan pejabat pusat pengajian siswazah terutama En. Zulkapli & En. Ainol Hafizi, yang banyak membantu sepanjang proses melengkapkan disertasi ini.

Akhir sekali terima kasih kepada En. Azmi Zakaria & Pn. Rohani Yusof serta semua individu yang membantu saya secara langsung atau tidak langsung dalam menyempurnakan kajian ini.

AKMA ABD. HAMID





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengkaji hubungan antara personaliti *ekstrovert-introvert* dengan nilai dan dimensi nilai serta hubungan dengan pelajar berdisiplin dan tidak berdisiplin. Di samping itu, ia juga bertujuan melihat perbezaan personaliti *ekstrovert-introvert*, pelajar berdisiplin dan tidak berdisiplin, jantina, status sosioekonomi (S.E.S) dengan nilai dan dimensi nilai yang terdiri daripada 8 bidang iaitu intelek, ekonomi, estetika, agama, sosial, moral, kesihatan dan kewarganegaraan. Sampel kajian terdiri daripada 350 orang pelajar Tingkatan dua yang dipilih berdasarkan kategori pelajar berdisiplin dan tidak berdisiplin daripada empat buah sekolah menengah di Daerah Kemaman, Terengganu. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah *Eysenck Personality Questionnaire* dan soal selidik nilai. Hasil kajian menunjukkan personaliti *ekstrovert-introvert* mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan nilai dan dua dimensi nilai agama dan moral. Personaliti *ekstrovert-introvert* juga mempunyai hubungan negatif yang tidak signifikan dengan pelajar berdisiplin dan tidak berdisiplin. Terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelajar yang mempunyai personaliti *ekstrovert-introvert*, berdisiplin dan tidak berdisiplin dengan nilai. Namun demikian faktor jantina dan S.E.S tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan dengan nilai.





ABSTRACT

The relationships between extrovert-introvert personality with values among the secondary school students

The purpose of this research is to study the relationships between extrovert-introvert personality with values and value dimensions and their relationship with disciplined and indisciplined students. Besides, the study also try to observe in details the relationship between: extrovert-introvert personality, discipline and indicipline character, gender, S.E.S with values and value dimensions which comprise of intellect, economy, esthetic, religion, social, moral, health and citizenship. The sample consists of 350 Form 2 students selected among the discipline and indiciplined students from 4 secondary schools in the Kemaman District of Terengganu. The instruments used were Eysenck Personality Questionnaires and Value Questionnaires. The results of the study indicated that the extrovert-introvert personality has positive and significant relationship with values and two value dimensions: religion and moral. The extrovert-introvert personality too has negative and non-significant relationship with disciplined and indiciplined students. The results also indicate that there is a significant difference exists between extrovert-introvert, disciplined and indisciplined students with values. However, gender and S.E.S do not show any significant difference with values.





KANDUNGAN

HALAMAN

PENGAKUAN	iii
PENGHARGAAN	v
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii



BAB 1



PENDAHULUAN



1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar belakang kajian	3
1.3	Pernyataan masalah	6
1.4	Objektif kajian	9
1.5	Hipotesis	11
1.6	Kepentingan kajian	13
1.7	Batasan kajian	16
1.8	Penjelasan konsep	18
1.8.1	Nilai	18
1.8.2	Personaliti	23
1.8.3	Ekstrovert	25





1.8.4	Introvert	26
1.8.5	Tingkah laku	27
1.8.6	Status Jantina	29
1.8.7	Status Sosioekonomi (S.E.S)	29

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	31
2.1.1	Kepentingan memahami teori perkembangan moral dan nilai	31
2.1.1.1	Teori Jean Piaget	32
2.1.1.2	Teori Nilai Rokeach	36
2.1.1.3	Sorotan kajian nilai	41
2.1.2	Hubungan personaliti dengan tingkah laku.	45
2.1.3	Nilai dalam Pembentukan Personaliti Manusia Seimbang.	52
2.2	Kesimpulan	55

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	56
-----	------------	----



3.2	Reka bentuk kajian	56
3.3	Pembolehubah kajian	58
3.4	Instrumen Kajian	59
3.4.1	Demografi Pelajar	60
3.4.2	Ujian Eysenck Personality Questionnaire (EPQ)	60
3.4.3	Ujian Nilai	63
3.5	Kajian rintis	64
3.6	Kebolehpercayaan dan kesahan	65
3.7	Populasi dan persampelan kajian	67
3.8	Pengumpulan data	69
3.9	Analisis data	70
3.10	Statistik Deskriptif	70
3.11	Statistik Inferensi	71
3.12	Kesimpulan	75

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	76
4.2	Pemerihalan Deskriptif	77
4.2.1	Hubungan personaliti <i>ekstrovert-introvert</i> dengan nilai dan dimensi nilai.	77
4.2.2	Hubungan personaliti <i>ekstrovert-introvert</i> dengan Status pelajar berdisiplin dan tidak berdisiplin.	81



4.2.3	Hubungan status pelajar berdisiplin dan tidak Berdisiplin dengan nilai dan dimensi nilai.	82
4.2.4	Hubungan jantina dengan nilai dan dimensi nilai	86
4.2.5	Hubungan S.E.S dengan nilai dan dimensi nilai.	89
4.2.6	Min dimensi nilai dengan personaliti pelajar.	94
4.2.7	Min dimensi nilai dengan status pelajar berdisiplin dan tidak berdisiplin.	95
4.2.8	Min dimensi nilai pelajar dengan jantina.	97
4.3	Pengujian Hipotesis	98
4.3.1	Hipotesis nol 1	99
4.3.2	Hipotesis nol 2	100
4.3.3	Hipotesis nol 3	102
4.3.4	Hipotesis nol 4	103
4.3.5	Hipotesis nol 5	104
4.3.6	Hipotesis nol 6	106
4.3.7	Hipotesis nol 7	108
4.3.8	Hipotesis nol 8	110
4.3.9	Hipotesis nol 9	111
4.3.10	Hipotesis nol 10	113
4.3.11	Hipotesis nol 11	114
4.4	Kesimpulan	117



**BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN**

5.1	Pendahuluan	121
5.2	Perbincangan dan rumusan	122
5.2.1	Hubungan personaliti <i>ekstrovert-introvert</i> dengan nilai dan dimensi nilai.	122
5.2.2	Hubungan personaliti <i>ekstrovert-introvert</i> Dengan pelajar berdisiplin dan tidak berdisiplin.	125
5.2.3	Perbezaan antara personaliti <i>ekstrovert-introvert</i> dengan nilai dan dimensi nilai.	127
5.2.4	Perbezaan pelajar berdisiplin dan tidak berdisiplin dengan nilai dan dimensi nilai.	130
5.2.5	Perbezaan nilai dan dimensi nilai mengikut jantina lelaki dan perempuan.	136
5.2.6	Perbezaan nilai dan dimensi nilai mengikut Status S.E.S pelajar.	138
5.3	Implikasi dan aplikasi kajian.	139
5.4	Implikasi terhadap sistem pendidikan.	143
5.5	Model pengajaran dan pembelajaran.	145
5.6	Cadangan	149
5.7	Kesimpulan	153





JADUAL

Muka surat

Jadual 1.1	Nilai-nilai murni KBSR dan KBSM	20
Jadual 1.2	Rancangan Malaysia Ke-7 (1996-2000)	30
Jadual 2.3	Peringkat perkembangan moral Piaget	33
Jadual 2.4	Senarai nilai instrumental dan nilai tamatan mengikut Rokeach	40
Jadual 2.5	Senarai tret bagi dimensi personaliti yang dikemukakan Eysenck.	47
Jadual 3.6	Kedudukan pembolehubah tidak bersandar dan pembolehubah bersandar mengikut hipotesis nol.	58
Jadual 3.7	Dimensi ekstroversi-introversi positif dan negatif.	61
Jadual 3.8	Contoh item positif / negatif dan pembahagian skor.	62
Jadual 3.9	Kedudukan skor ujian nilai.	63
Jadual 3.10	Komposisi sampel kajian rintis	65
Jadual 3.11	Komposisi sampel kajian	68
Jadual 3.12	Penyusunan data	70
Jadual 3.13	Jenis analisis inferensi mengikut hipotesis.	71
Jadual 4.14	Personaliti <i>ekstrovert-introvert</i> dengan tahap nilai.	78
Jadual 4.15	Personaliti <i>ekstrovert-introvert</i> dengan dimensi nilai.	79
Jadual 4.16	Personaliti <i>ekstrovert-introvert</i> dengan status pelajar disiplin dan tidak disiplin.	82



Jadual 4.17	Status pelajar disiplin-tidak disiplin dengan nilai.	83
Jadual 4.18	Status pelajar disiplin-tidak disiplin dengan tahap dimensi nilai.	84
Jadual 4.19	Jantina dengan tahap nilai.	86
Jadual 4.20	Jantina dengan tahap dimensi nilai.	87
Jadual 4.21	Status S.E.S dengan nilai.	90
Jadual 4.22	Status S.E.S dengan tahap dimensi nilai.	91
Jadual 4.23	Min skor dimensi nilai dengan personaliti <i>ekstrovert-introvert</i> .	94
Jadual 4.24	Min skor dimensi nilai pelajar dengan status berdisiplin dan tidak berdisiplin.	95
Jadual 4.25	Min skor dimensi nilai pelajar dengan jantina.	97
Jadual 4.26	Korelasi antara personaliti <i>ekstrovert-introvert</i> dengan nilai.	99
Jadual 4.27	Korelasi antara personaliti <i>ekstrovert-introvert</i> dengan dimensi nilai.	100
Jadual 4.28	Korelasi antara personaliti <i>ekstrovert-introvert</i> dengan pelajar disiplin dan tidak disiplin.	102
Jadual 4.29	Keputusan Ujian-t personaliti <i>ekstrovert-introvert</i> dengan nilai.	103
Jadual 4.30	Keputusan Ujian-t personaliti <i>ekstrovert-introvert</i> dengan dimensi nilai.	105
Jadual 4.31	Keputusan Ujian-t pelajar disiplin dan tidak disiplin dengan nilai.	107
Jadual 4.32	Keputusan Ujian-t pelajar disiplin dan tidak disiplin dengan dimensi nilai.	108
Jadual 4.33	Keputusan Ujian-t pelajar lelaki dan perempuan dengan nilai.	110



Jadual 4.34	Keputusan Ujian-t pelajar lelaki dan perempuan dengan dimensi nilai.	111
Jadual 4.35	Ujian ANOVA sehala nilai dengan S.E.S pelajar.	113
Jadual 4.36	Ujian ANOVA sehala dimensi nilai dengan S.E.S pelajar.	115



RAJAH

Muka surat

2.1	Model dimensi personaliti Eysenck	49
2.2	Domain kesedaran personaliti seimbang.	53
2.3	Dasar pertimbangan falsafah pendidikan kebangsaan.	54
3.4	Kerangka konseptual kajian.	57
5.5	Model inkuiri nilai Banks.	146
5.6	Model pengajaran nilai Freankel	147
5.7	Model penerapan nilai 3K	148



BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan



Akhir-akhir ini masalah kemerosotan akhlak dan disiplin pelajar terutamanya pelajar sekolah menengah sering menjadi topik perbualan masyarakat. Masalah tingkah laku tidak “senonoh” yang dipamerkan oleh mereka membimbangkan banyak pihak terutama ibu bapa dan warga pendidik.

Selaras dengan hasrat kementerian pelajaran untuk melahirkan pelajar yang berakhlak mulia, maka pendidikan nilai yang berpandukan Falsafah Pendidikan Negara (FPN) dibentuk dengan memberi penekanan kepada amalan nilai yang baik. Amalan nilai ini merupakan pengukuhan kepada amalan dan penghayatan nilai supaya tabiat dan tingkah laku yang telah disemai dapat terus dipupuk dan dihayati sepenuhnya. Langkah ini juga diharapkan dapat memenuhi aspek rohani dan emosi bagi membantu ke arah melahirkan individu berperibadi mulia.





Aspek nilai yang menekankan kepada nilai-nilai murni merupakan tanggapan bagi menentukan perkara-perkara yang baik, luhur dan mulia. Jika sesuatu nilai memberi kesan positif bagi individu atau masyarakat, nilai tersebut dianggap sebagai “nilai murni”, sebaliknya jika nilai itu memberi kesan negatif dan masalah ianya dianggap sebagai “nilai kurang baik” atau “buruk”. Nilai murni juga dapat dijadikan panduan dan pedoman bagi membolehkan individu, keluarga dan masyarakat mewujudkan kehidupan yang baik, adil dan sejahtera.

Rescher (1969) berpendapat bahawa nilai dan kehidupan manusia sememangnya tidak boleh dipisahkan kerana manusia sebagai insan yang rasional dan aktif berfikir sering membuat pertimbangan. Nilai adalah sesuatu dalam pertimbangan semasa membuat analisis akhir mengenai visi manusia dalam mencapai kehidupan sejahtera. Nilai dimanifestasikan secara konkrit dan objektif pada cara dan gaya bertingkah laku, bertutur, cara membuat pemilihan dan penggunaan masa dan daya usaha, dengan kata lain nilai menjadi tenaga pendorong bagi manusia untuk melakukan sesuatu.

Menurut Rokeach (1973) nilai mempunyai tiga komponen utama iaitu kognitif, afektif dan psikomotor. Apabila seseorang itu dikatakan mempunyai nilai moral, ini bermakna individu itu tahu cara yang betul bertindak dari segi afektif. Sesuatu nilai moral dikatakan bersifat afektif kerana seseorang itu menunjukkan emosinya mengenai sesuatu perkara. Manakala, komponen tingkah laku menunjukkan kepada tingkah laku yang dimanifestasikan apabila seseorang itu memiliki sesuatu nilai moral.



Melihat kepada tiga komponen ini, organisasi sekolah merupakan tampuk utama untuk melahirkan pelajar yang sedemikian. Musgrave (1978) menyatakan, organisasi sekolah perlu memberi penekanan kepada elemen-elemen moral yang berkaitan dengan disiplin dan tanggungjawab nilai-nilai murni, aspek-aspek tingkah laku, amalan dan tindakan. Menurut Musgrave lagi, agenda penting pendidikan dalam sesebuah negara termasuklah membangunkan aspek-aspek moral individu dan masyarakat. Perubahan kurikulum pendidikan moral juga berlaku selaras dengan perubahan yang berlaku dalam sesuatu masyarakat. Kepentingan menguatkan elemen-elemen moral dalam segala aspek kurikulum sekolah juga menjadi satu agenda dalam menentukan corak pembangunan masyarakat dan negara.

Oleh kerana itu untuk melahirkan pelajar yang bijak dan mempunyai pencapaian yang tinggi dalam akademik bukanlah sesuatu yang sukar tetapi untuk melahirkan pelajar yang memenuhi pakej pendidikan itulah yang agak sukar kerana ianya memerlukan kerjasama dan daya usaha daripada semua pihak sama ada ibu bapa, guru mahupun masyarakat.

1.2 Latar Belakang Kajian.

Melihat kepada sistem pendidikan negara yang bersandarkan kepada falsafah pendidikan untuk melahirkan pelajar yang seimbang, maka aspek nilai perlu ditekankan bagi melahirkan masyarakat yang bukan sahaja cemerlang akademik tetapi turut cemerlang akhlak diri. Jika keseimbangan ini dapat dilahirkan maka sudah pasti masyarakat dapat hidup di dalam keadaan yang harmoni.

“Kita mungkin boleh menjadi masyarakat yang maju tetapi kalau kita tidak mempunyai nilai-nilai yang betul, tidak ada gunanya juga, sekiranya generasi muda tidak lagi tahu menghormati orang tua, tidakkah bangsa kita ini akan jahanam? Soal nilai adalah perkara yang cukup penting. Sekiranya nilai tidak betul semua pembangunan fizikal yang telah kita capai ini tidak akan bermakna.”

(Mingguan Malaysia, 2003, November 9)

Memandangkan kepentingan nilai ini kepada semua golongan, maka organisasi sekolah bertanggungjawab untuk melahirkan pelajar yang berakhlak dan bersahsiah mulia. Di bawah rancangan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), elemen-elemen moral atau nilai-nilai murni diterapkan bukan sahaja dalam mata pelajaran pendidikan moral tetapi dalam semua mata pelajaran lain.

Selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara, KBSM digubal berdasarkan kepada prinsip persepaduan antara unsur-unsur intelek, rohani, emosi dan jasmani. Persepaduan unsur-unsur ini membolehkan potensi individu berkembang secara menyeluruh dan seimbang. Untuk itu bagi mencapai matlamat Pendidikan Kebangsaan, pelajar-pelajar sekolah menengah akan diberi peluang menghayati nilai-nilai murni serta mengamalkannya dalam kehidupan mereka melalui mata pelajaran pendidikan moral secara langsung dan melalui mata pelajaran lain secara tidak langsung (Mok, 1992).

Oleh demikian, penerapan nilai-nilai murni dalam semua mata pelajaran yang diajar di sekolah merupakan langkah bijak untuk melahirkan pelajar yang berakhlak mulia dan bertanggungjawab. Jika penerapan nilai tidak diperkukuhkan di peringkat sekolah maka, akan lahirlah pelajar-pelajar yang cuba menghidupkan budaya samseng



atau *gengsterisme* di sekolah seperti yang berlaku kepada Mohd Hafizi Jumhari yang dipukul teruk oleh pelajar asrama SM. Teknik Batu Pahat, sehinggakan buah pinggangnya terpaksa dibuang. Tidak berapa lama negara digemparkan pula dengan pembuangan 20 pelajar Sekolah Tengku Abdul Rahman (STAR) kerana cuba menghidupkan semula budaya ala samseng yang dikenali sebagai *High Council*. (Utusan Malaysia, 2003, Ogos 23)

Melihat kepada budaya samseng pelajar, ianya bukan sahaja tertakluk kepada

- nilai murni yang ada dalam diri pelajar tetapi juga personaliti diri pelajar turut mempengaruhi tingkah laku. Pada usia 14 tahun, pelajar boleh diklasifikasikan sebagai remaja yang sedang membesar dan memerlukan perhatian untuk menuju kepada kematangan. Ini bermakna pelajar di peringkat umur sedemikian sedang mengalami proses untuk mencapai atau memperolehi sikap dan kepercayaan yang diperlukan demi penglibatan berkesan dalam masyarakat. Ketika umur sebegini juga pembentukan diri untuk melahirkan personaliti diri yang ideal sangat dititik beratkan.

Perkataan personaliti biasanya digunakan untuk menghuraikan perwatakan fizikal seseorang, corak pertuturan atau sopan santun, atau berapa banyak daya penarik yang dimilikinya. Menurut Crow dan Crow (1983) kepada sesetengah orang personaliti merupakan sesuatu yang lahir dengan seseorang dan tidak dipengaruhi oleh faktor alam sekitar. Personaliti dikatakan merupakan sebahagian daripada diri individu, malah personaliti itu adalah cermin kepada individu itu sendiri dan kita boleh mengenali seseorang individu melalui personalitinya.

Menurut Ewen (1980) personaliti boleh dianggap sebagai relatifnya stabil kerana ia boleh berubah dalam jangka waktu yang lama dan individu berkemungkinan





mempunyai tingkah laku yang berbeza dalam situasi yang berbeza, walau bagaimanapun personaliti merujuk kepada ciri-ciri dalaman individu yang berkekalan dan amat penting.

Pendek kata, personaliti merujuk kepada ciri kestabilan yang terdapat dalam diri individu serta yang dapat membezakannya dengan individu yang lain. Pada masa yang sama juga, personaliti menjadi bentuk yang asas untuk meramal tingkah laku individu pada masa hadapan. Oleh kerana itu, personaliti adalah tret-tret dan kualiti tertentu yang dimiliki oleh individu secara konsisten melintasi masa dan keadaan yang berbeza (Chong, 1993).

Melihat kepada personaliti pelajar, terdapat pelajar yang riang dan suka bergaul ketika di sekolah tetapi tidak kurang juga yang menarik diri, pendiam dan tidak tahu untuk bergaul, personaliti pelajar yang sedemikian mendorong pengkaji untuk melihat perkaitannya dengan nilai.

1.3 Pernyataan masalah

Kajian berhubung personaliti pelajar sememangnya banyak dilakukan begitu juga dengan nilai yang banyak dijalankan oleh pengkaji tempatan mahupun pengkaji luar negara, namun begitu aspek kajian yang berfokuskan hubungan personaliti dan nilai pelajar kurang dijalankan.

Melihat kepada senario perlakuan pelajar yang mempamerkan pelbagai tingkah laku, ada yang agresif, periang, pendiam dan sebagainya mendorong pengkaji untuk melihat personaliti diri pelajar dan juga hubungannya dengan nilai. Sejauh mana



personaliti pelajar ini, mempengaruhi pegangan atau tahap nilai yang ada pada diri mereka, sama ada pada tahap yang lemah, sederhana mahupun baik. Nilai di dalam kajian ini berfokuskan kepada lapan dimensi utama iaitu intelek, ekonomi, sosial, moral, agama, estetika, kesihatan dan kewarganegaraan.

Selain daripada itu pengkaji juga tertarik untuk melihat personaliti pelajar yang bermasalah. Laporan-laporan permasalahan disiplin pelajar bukan setakat kesalahan ringan yang dilakukan tetapi pelajar kini sudah berani untuk terlibat dengan kesalahan jenayah seperti membunuh, mencuri, peras ugut dan sebagainya.

Fenomena sebegini bukan lagi sesuatu yang baru kepada pelajar masa kini, ini terbukti apabila meningkatnya jumlah pelajar yang terlibat dengan masalah disiplin.

Sebanyak 3,627 kes jenayah membabitkan pelajar dicatat sepanjang tahun lalu dan jumlah itu meningkat 22.7% berbanding 2,955 kes pada tahun sebelumnya. Ketua

Polis Negara, Datuk Seri Mohd. Bakri Omar berkata, dari segi tangkapan juga turut meningkat dari 4,200 pelajar pada tahun 2002 kepada 5,326 pelajar pada tahun lepas. (Utusan Malaysia, 2004, April 15).

Permasalahan disiplin pelajar yang semakin hari semakin menakutkan terutama kes jenayah mahupun kesalahan ringan mendorong pengkaji untuk melihat adakah status pelajar berdisiplin dan tidak berdisiplin ini mempunyai hubungan dengan personaliti *ekstrovert-introvert* dan nilai yang dipegang serta diamalkan oleh pelajar. Selain daripada itu pengkaji juga turut berminat melihat tahap pegangan nilai dan dimensi nilai di kalangan pelajar tersebut, adakah benar pelajar berdisiplin mempunyai pegangan nilai yang baik berbanding pelajar yang tidak berdisiplin.

“Masalah pelanggaran disiplin sekolah di kalangan pelajar adalah perkara yang perlu difikirkan secara serius dan terperinci memandangkan mereka merupakan bakal pemimpin negara. Negara memerlukan bakal pemimpin yang mempunyai keperibadian yang mulia untuk merealisasikan Wawasan 2020. Disiplin diri di kalangan pelajar adalah juga bertujuan untuk mewujudkan satu masyarakat yang bersatu padu, demokratik, adil, liberal, progresif dan bertatasusila.”

(Utusan Malaysia, 2003, Ogos 23)

Jika persoalan ini benar-benar terjawab, maka adalah perlu bagi semua pihak untuk mencari jalan memperbetulkan kembali keadaan ini supaya permasalahan pelajar dapat diatasi segera, supaya tidak timbul persoalan tentang konsep nilai yang selalu di pandang ringan dan dianggap sebagai isu lapuk oleh sesetengah masyarakat sehingga pengkaji sendiri pernah berdepan dengan warga pendidik yang mengutarakan persoalan kenapa Nilai?

Bagi menjawab persoalan ini, pengkaji melihat kembali Falsafah Pendidikan Negara (FPN) yang bertujuan untuk melahirkan masyarakat seimbang daripada semua aspek iaitu aspek emosi, intelek, rohani dan jasmani. Ke semua aspek ini menjurus kepada domain nilai yang akan membentuk kepada tingkah laku pelajar yang secara tidak langsung meletakkan diri mereka kepada kelompok personaliti-personaliti yang tertentu.

Di samping itu pengkaji turut berhasrat untuk melihat perbezaan nilai dan dimensi nilai di kalangan pelajar berdasarkan jantina dan S.E.S. Adakah pelajar lelaki dan perempuan mempunyai tahap nilai yang berbeza setelah mereka berada di

peringkat remaja dan sejauh mana pula S.E.S ibu bapa pelajar mempengaruhi tahap pegangan nilai pelajar?

Faktor-faktor ini penting untuk dilihat kembali supaya tidak berlaku keciciran di kalangan pelajar baik dalam mengejar ilmu dan pencapaian akademik mahupun nilai sahsiah diri supaya kelak negara tidak sahaja melahirkan pelajar yang bijak dan pintar tetapi juga pelajar yang berakhlak mulia dan mempunyai personaliti diri yang unggul.

1.4 Objektif kajian

Kajian perhubungan antara personaliti *ekstrovert-introvert* dengan nilai di kalangan pelajar tingkatan dua mempunyai objektif seperti berikut:

- i. Untuk menentukan sama ada wujud hubungan antara personaliti *ekstrovert-introvert* dengan nilai pelajar.
- ii. Untuk menentukan sama ada wujud hubungan antara personaliti *ekstrovert-introvert* dengan dimensi nilai: intelek, ekonomi, estetika, agama, sosial, moral, kesihatan dan kewarganegaraan.
- iii. Untuk menentukan sama ada wujud hubungan antara personaliti *ekstrovert-introvert* dengan status pelajar berdisiplin dan tidak berdisiplin.



- iv. Untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan antara personaliti *ekstrovert-introvert* dengan nilai.
- v. Untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan antara personaliti *ekstrovert-introvert* dengan dimensi nilai: intelek, ekonomi, estetika, agama, sosial, moral, kesihatan dan kewarganegaraan.
- vi. Untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan antara pelajar berdisiplin dan tidak berdisiplin dengan nilai.
- vii. Untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan antara pelajar berdisiplin dan tidak berdisiplin dengan dimensi nilai: intelek, ekonomi, estetika, agama, sosial, moral, kesihatan dan kewarganegaraan.
- viii. Untuk menentukan sama ada wujud perbezaan nilai di antara jantina pelajar.
- ix. Untuk menentukan sama ada wujud perbezaan di antara jantina dengan dimensi nilai: intelek, ekonomi, estetika, agama, sosial, moral, kesihatan dan kewarganegaraan.



- x. Untuk menentukan sama ada wujud perbezaan antara nilai pelajar dengan status sosioekonomi yang rendah, sederhana dan tinggi.
- xi. Untuk menentukan sama ada wujud perbezaan antara dimensi nilai: intelek, ekonomi, estetika, agama, sosial, moral, kesihatan dan kewarganegaraan, dengan S.E.S yang rendah, sederhana dan tinggi.

1.5 Hipotesis

Kajian “Perhubungan antara personaliti *ekstrovert-introvert* dengan nilai di kalangan pelajar sekolah menengah” bertujuan untuk mendapat pengesahan bagi hipotesis nol di bawah:

- H_{o1} - Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara skor personaliti pelajar *ekstrovert-introvert* dengan skor nilai pelajar.
- H_{o2} - Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara skor personaliti pelajar *ekstrovert-introvert* dengan dimensi nilai pelajar: intelek, ekonomi, estetika, agama, sosial, moral, kesihatan dan kewarganegaraan.



- H₀₃ - Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara skor personaliti pelajar *ekstrovert-introvert* dengan skor pelajar berdisiplin dan tidak berdisiplin.
- H₀₄ - Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara skor personaliti *ekstrovert- introvert* dengan nilai.
- H₀₅ - Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara skor personaliti: *ekstrovert-introvert* dengan dimensi nilai : intelek, ekonomi, estetika, agama, sosial, moral, kesihatan dan kewarganegaraan pelajar bermasalah dan tidak bermasalah.
- H₀₆ - Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara skor nilai dengan pelajar berdisiplin dan tidak berdisiplin.
- H₀₇ - Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor dimensi nilai: intelek, ekonomi, estetika, agama, sosial, moral, kesihatan dan kewarganegaraan, dengan pelajar berdisiplin dan tidak berdisiplin.
- H₀₈ - Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara skor nilai mengikut jantina lelaki dan perempuan.



- H₀₉ - Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor dimensi nilai: intelek, ekonomi, estetika, agama, sosial, moral, kesihatan dan kewarganegaraan, dengan jantina lelaki dan perempuan.
- H₀₁₀ - Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor nilai di kalangan pelajar yang mempunyai latar belakang sosioekonomi rendah, sederhana dan tinggi.
- H₀₁₁ - Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor dimensi nilai: intelek, ekonomi, estetika, agama, sosial, moral, kesihatan dan kewarganegaraan di kalangan pelajar yang mempunyai latar belakang sosioekonomi rendah, sederhana dan tinggi.

1.6 Kepentingan Kajian

Menurut ahli realisme klasik (Abdul Rahman, 1994) selain daripada memberi tumpuan kepada kandungan pelajaran, sekolah juga bertanggungjawab untuk menghasilkan pelajar yang menyeluruh dan sederhana dalam segenap hal. Pelajar mestilah diajar untuk hidup mengikut *standard* moral yang kekal dan universal. Oleh kerana itu, memahami peraturan nilai perlu kepada pelajar kerana ianya tidak mungkin dapat diterima secara automatik melainkan dipelajari.

Melalui penerapan nilai akan dapat membentuk personaliti pelajar yang baik dan mempunyai tingkah laku yang mulia, malah adalah penting bagi pengkaji untuk



meneruskan kajian ini bagi membantu terutamanya warga pendidik mempertingkatkan pemahaman mereka dalam pengajaran dan pembelajaran nilai di kalangan pelajar.

Berpandukan kepada persoalan personaliti dan hubungannya dengan nilai pelajar sekolah menengah harian biasa. Harapan penyelidik supaya kajian ini dapat dijadikan sumber pengetahuan dan rujukan dan seterusnya setiap warga yang terlibat dalam pendidikan dapat menggunakannya untuk:

- i. Mendidik pelajar menjadi insan yang berakhlak mulia berdasarkan pemahaman tentang tingkah laku pelajar selaras dengan nilai dan personaliti pelajar.



- ii. Memberi kesedaran kepada pelajar tentang penting memahami peraturan nilai dalam kehidupan.
- iii. Memperjelaskan kepada guru tentang kepentingan penampilan diri yang baik sebagai "*role model*" kepada pelajar.
- iv. Memberi peluang kepada guru untuk lebih mengenali pelajar melalui nilai yang membentuk personaliti diri mereka.
- v. Menjadi panduan kepada pihak tertentu untuk memberi kesedaran kepada seluruh masyarakat terutama warga pendidik tentang





kepentingan nilai untuk membentuk personaliti pelajar dengan mengadakan kursus dan bengkel.

- vi. Dapat memberi panduan kepada guru bagi mempertingkatkan pengajaran dan pembelajaran nilai di kalangan pelajar.
- vii. Memberi peluang kepada guru menggunakan pendekatan terbaru untuk mendisiplinkan pelajar bermasalah sama ada menggunakan teknik dendaan fizikal atau ganjaran berkesan.
- viii. Menjadi rujukan kepada para penyelidik untuk melengkapkan penyelidikan dan seterusnya dapat berkongsi idea untuk membuat penyelidikan yang lain.

Merujuk permasalahan di atas, persoalan-persoalan yang timbul boleh ditinjau dan difahami dengan menjalankan kajian berasaskan nilai dan personaliti pelajar, contoh Eysenck dan Wilson (1975) telah menyatakan teknik pembelajaran berorientasikan dendaan fizikal adalah sesuai untuk individu *introvert*, sementara *ekstrovert* lebih berkesan melalui ganjaran tolak ansur.

Maka kajian ini dijalankan sebagai satu penerapan teori dan skala nilai dalam mengkaji hubungan personaliti *ekstrovert-introvert* dengan nilai terhadap pelajar sekolah menengah. Jika permasalahan ini dapat diperjelaskan dengan teliti sudah pasti





pelbagai strategi serta program dapat diatur untuk menghadapi masalah yang lebih mencabar.

1.7 Batasan Kajian

Kajian berhubung personaliti *ekstrovert-introvert* dengan nilai pelajar tingkatan dua terbatas kepada beberapa perkara iaitu:

- i. Pengukuran aspek nilai adalah menggunakan skala nilai yang dirujuk kepada sukatan pelajaran moral tingkatan dua, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Pengajaran Nilai Dalam Kurikulum oleh Sufean (1995). Skala nilai yang dikemukakan terbatas kepada lapan dimensi sahaja iaitu intelek, ekonomi, estetika, agama, sosial, moral, kesihatan dan kewarganegaraan. Setiap dimensi mempunyai lima item ujian. Ujian nilai mempunyai 40 item sahaja. Skor yang diperolehi dalam ujian ini menentukan tahap keupayaan nilai dalam diri pelajar.
- ii. Pengukuran personaliti dengan menggunakan soal selidik *Eysenck Personality Questionnaire (EPQ)* seperti mana yang dipetik dalam kajian Hazalisan (1998). Terdapat 69 item di dalam kajian ini, tetapi penyelidik hanya memilih 21 item sahaja yang menepati kajian *ekstrovert-introvert*. Responden hanya perlu menjawab 'ya' atau 'tidak' berdasarkan rangsangan item sama ada negatif atau positif.



Responden yang mendapat skor 0 hingga 10 merupakan individu *introvert*, manakala yang mendapat skor 11 hingga 21 adalah individu *ekstrovert*.

- iii. Kajian juga terbatas kepada hubungkait antara skor nilai dengan skor personaliti pelajar. Ini adalah untuk memberi peluang kepada guru bagi mempermudah mereka mengenali perwatakan pelajar melalui pecahan nilai dan mendapatkan kaedah yang betul untuk mengatasi perlakuan tersebut sehingga dapat membentuk pelajar yang mempunyai personaliti yang unggul.

- iv. Sampel kajian adalah terbatas kepada pelajar tingkatan 2 dari 4 buah sekolah di Daerah Kemaman. Rekabentuk persampelan yang digunakan adalah persampelan rawak berlapis, sampel dibahagikan mengikut rekod disiplin dan jantina dalam jumlah yang sama, manakala pemilihan sampel adalah menerusi persampelan rawak mudah berdasarkan kategori yang telah dikenalpasti di kalangan pelajar. Rasional pemilihan pelajar tingkatan dua berdasarkan kepada kategori umur yang ditentukan oleh Cattell dalam membentuk personaliti. Murid-murid 14 tahun dikatakan berada pada *trend* ke arah tidak bergantung dengan ibu bapa dan seterusnya lebih kepada rakan sebaya. Di dalam kajian ini hanya faktor jantina, status sosioekonomi dan disiplin pelajar diambil kira.



1.8 Penjelasan konsep

1.8.1 Nilai

Di dalam konteks pendidikan, konsep nilai adalah berkait dengan moral, prinsip atau kelakuan orang, khasnya pelajar-pelajar di sekolah. Nilai ini merupakan kriteria bagi guru mengukur moral, prinsip atau kelakuan-kelakuan pelajar sama ada baik, wajar, dingin atau sebaliknya (Mok, 1992).

Nilai juga merujuk kepada kepentingan, faedah, mutu dan kebumilaian tentang segala benda, perkara dan fenomena yang terdapat serta berlaku di dalam alam semesta ini. Nilai adalah aspek kualitatif dan subjektif hasil pertimbangan pemikiran dan emosi manusia tentang pengalamannya dalam proses interaksi dengan alam sekitar dan masyarakat manusia. Hasil daripada pertimbangan pemikiran dan emosi, maka manusia meletakkan sesuatu nilai kepada segala apa yang dialaminya. Selain itu manusia juga memberikan darjah-darjah nilai yang berbeza-beza kepada sesuatu perkara yang dipertimbangkannya. Oleh yang demikian, manusia menetapkan nilai 'baik atau bagus' kepada perkara yang mendatangkan faedah, keseronokan kesejahteraan. Nilai yang 'buruk atau jahat' diberikan kepada perkara yang mendatangkan kemudaran dan yang mengganggu kesejahteraan hidup (Sufean, 1995).

Tan (1996) menjelaskan dalam falsafah, nilai dikatakan sebagai suatu kebenaran dalaman atau norma sanubari. Jika semua objek yang baik mempunyai nilainya tersendiri, maka konsep nilai itu boleh berubah-ubah





mengikut masa, tempat dan kegunaannya. Cara menilai ini adalah menggunakan pendekatan objektivis iaitu melihat dari segi luaran sahaja. Sebaliknya jika nilai hanya merupakan perasaan dalaman atau objek yang menjadi kemuliaan nilainya akan terus kekal.

Berdasarkan huraian yang dinyatakan, nilai bukan sahaja tertakluk kepada faktor luaran individu sahaja tetapi turut merangkumi faktor rohaniah individu. Rohani individu yang dibentuk baik bermula daripada kanak-kanak akan dapat melahirkan nilai rohaniah yang baik seterusnya akan membentuk perlakuan individu yang seimbang sebagaimana yang dituntut oleh agama dan masyarakat. Mengklasifikasikan nilai adalah merujuk kepada individu yang terlibat serta persekitaran yang mereka tinggal ketika itu.



Di Malaysia, aspek nilai tidak hanya tertakluk kepada satu kelompok pelajar atau masyarakat sahaja tetapi keseluruhan pelajar dan masyarakat tanpa mengira kaum menerima pendidikan nilai. Bagi pelajar pula pendidikan nilai diterima melalui pengajaran yang diajar oleh guru dalam mata pelajaran Moral, Pendidikan Islam dan pelajaran-pelajaran lain secara tidak langsung. Terdapat 12 nilai utama yang ditekankan di peringkat sekolah rendah dan 16 nilai di peringkat sekolah menengah. Walaupun terdapat nilai yang sama di peringkat rendah dan menengah tetapi skop dan penekanan isi pelajaran berbeza bagi setiap tingkatan kerana situasi dan isu moral yang dikemukakan semakin kompleks dan mencabar. Antara nilai-nilai murni yang diterapkan di peringkat KBSR dan KBSM iaitu:





Jadual 1.1

Nilai-nilai Murni KBSR dan KBSM

Nilai Murni KBSR	Nilai Murni KBSM
1. Kebersihan fizikal dan mental	1. Baik hati
2. Belas kasihan	2. Hemah tinggi
3. Kesederhanaan	3. Kasih sayang
4. Kerajinan	4. Kebebasan
5. Berterima kasih	5. Kejujuran
6. Kejujuran	6. Rasional
7. Keadilan	7. Kerjasama
8. Hormat-menghormati	8. Kesyukuran
9. Semangat bermasyarakat	9. Berdikari
10. Kasih sayang	10. Hormat-menghormati
11. Tidak angkuh	11. Keadilan
12. Kebebasan	12. Keberanian
	13. Kebersihan fizikal dan mental
	14. Kerajinan
	15. Kesederhanaan
	16. Semangat bermasyarakat

Berpandukan 16 Nilai dalam KBSM, pada tahun 1999 Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengelompokkan nilai - nilai kepada 7 Bidang Pembelajaran iaitu:

i. NILAI BERKAITAN DENGAN DIRI

Kepercayaan kepada Tuhan
 Harga diri
 Bertanggungjawab
 Amanah
 Hemah tinggi
 Toleransi





Berdikari
Kerajinan
Kreatif
Kasih sayang
Keadilan
Rasional

ii. NILAI BERKAITAN DENGAN KEKELUARGAAN

Kasih sayang terhadap keluarga
Hormat terhadap keluarga
Pengekalan tradisi kekeluargaan
Kewajipan terhadap keluarga
Tatasusila pergaulan dan persahabatan

iii. NILAI BERKAITAN DENGAN ALAM SEKITAR

Menyayangi dan menghargai alam sekitar
Keharmonian antara manusia dan alam sekitar
Kemapanan alam sekitar
Peka terhadap isu-isu alam sekitar

iv. NILAI BERKAITAN DENGAN PATRIOTISME

Cinta kepada negara
Taat setia pada negara
Sanggup berkorban untuk negara
Kepentingan negara sentiasa diutamakan.

v. NILAI BERKAITAN DENGAN HAK ASASI MANUSIA

Menghormati agama, kepercayaan dan kebudayaan orang lain
Melindungi hak kanak-kanak
Melindungi hak pekerja
Menghormati golongan kurang berupaya
Melindungi hak pengguna





vi. NILAI BERKAITAN DENGAN DEMOKRASI

Mematuhi peraturan dan undang-undang
Kebebasan bersuara
Kebebasan beragama
Penglibatan diri (*Participation*)
Sikap keterbukaan

vii. NILAI BERKAITAN KEAMANAN DAN KEHARMONIAN

Hidup bersama secara aman
Penyelesaian konflik tanpa keganasan
Saling membantu dan bekerjasama
Saling menghormati antara Negara

(Sumber: Pusat Perkembangan Kurikulum. 1999)

Berpandukan nilai-nilai murni dalam kurikulum sekolah, jelas menunjukkan bahawa ianya sangat menitikberatkan perlakuan yang baik, peradaban dan tatasusila individu dan hubungannya sesama manusia, alam sekitar dan tuhan. Nilai murni dianggap tertumpu kepada ciri-ciri kerohanian, ketuhanan dan moral yang membawa kepada ketentaraman emosi dan jiwa seseorang insan. Namun begitu di dalam kajian ini pengkaji merujuk kajian Sufean (1995) yang mengkategorikan nilai kepada 8 dimensi berikut:

- i. Intelektual
- ii. Ekonomi
- iii. Estetika
- iv. Agama
- v. Sosial
- vi. Moral
- vii. Kesihatan
- viii. Kewarganegaraan





1.8.2 Personaliti

Perkataan personaliti mempunyai konotasi dan definisinya yang berbagai-bagai. Personaliti atau dalam bahasa Inggeris “*person*” berasal daripada perkataan Latin iaitu *persona* yang bermaksud “topeng muka” iaitu kebanyakan manusia ingin menonjolkan perilaku yang baik sahaja dan menyembunyikan yang buruk, walau bagaimanapun perkataan *persona* telah diberi pengertian yang pelbagai termasuk ciri-ciri dan kualiti dalam diri seseorang.

Terdapat banyak definisi personaliti yang dikemukakan oleh ahli psikologi mahupun orang tertentu. Namun demikian tiada satu definisi yang seragam boleh diterima pakai oleh semua pihak. Di dalam kajian ini dinyatakan beberapa contoh definisi personaliti yang diutarakan oleh tokoh-tokoh ilmunan antaranya, Imam Al-Ghazali menyatakan personaliti bertujuan menerangkan tentang keadaan jiwa tanpa memerlukan pemikiran dan penelitian. Jika dijiwa itu muncul perbuatan yang baik dan terpuji menurut akal dan syariat agama, itu dinamakan personaliti yang baik, sebaliknya jika perbuatan buruk muncul dari jiwa seseorang maka ianya dinamakan personaliti yang buruk (Mohd. Yunus, 1985).

Menurut Mohd. Salleh (1994) personaliti melambangkan ciri-ciri keperibadian seseorang individu. Dalam kehidupan seharian, personaliti dikaitkan sifat dan perwatakan seseorang. Personaliti seseorang biasanya dapat diketahui melalui gaya percakapan, tingkah laku, cara bertindak atau cara bekerja. Pendapat ini hampir menyamai maksud yang dinyatakan oleh





Ma'rof & Haslinda (2002) iaitu personaliti merupakan keseluruhan cara bertindak, berfikir dan merasa yang tipikal bagi seseorang, yang menjadikan seseorang itu berbeza dengan kesemua individu yang lain dan yang mencirikan seseorang itu.

Gordon (Schultz, 2001) melihat personaliti sebagai penyusunan sistem psikofizikal yang dinamik di dalam diri individu yang menentukan ciri-ciri tingkah laku dan penyesuaian dengan alam sekeliling. Istilah dinamik yang diberikan bermaksud sesuatu yang berkembang dan akan berubah-ubah. Begitu juga dengan sistem psikofizikal yang merujuk kepada unsur-unsur pemikiran dan juga yang berkaitan dengan keadaan fizikal seseorang.



Berpandukan kepelbagaian tafsiran personaliti yang merangkumi konsep yang luas, pengkaji dapat simpulkan di sini bahawa personaliti merupakan aspek tingkah laku atau imej diri yang lahir daripada rohaniah individu dan dipamerkan secara sengaja mahupun tidak kepada persekitaran yang mereka duduki ketika itu.

Dalam konteks kajian ini, jenis-jenis personaliti merujuk kepada corak-corak tingkah laku *ekstrovert-introvert* yang diukur berdasarkan kepada skala personaliti Eysenck. Eysenck (Hjelle dan Ziegler, 1992) menekankan kepada peranan faktor neurofisiologi dan genetik dalam menerangkan perbezaan tingkah laku individu.



1.8.3 Ekstrovert

Menurut Carl Jung (dalam Fredenburg, 1971, ms.25), terdapat dua corak tingkah laku nyata yang tipikal muncul dari sikap manusia iaitu *ekstrovert-introvert*. Pendapat Jung mengenai individu *ekstrovert* adalah dikategorikan cenderung untuk berhubung dengan persekitaran luar. Golongan ini mudah berinteraksi dengan orang lain dan mereka bersikap optimis, periang dan berfikiran terbuka terhadap sesuatu perkara yang dihadapinya. Namun begitu individu yang diklasifikasikan dalam kelompok ini lebih suka kepada pekerjaan yang ringkas dan segera, pandai mengambil peluang serta bertindak dalam jangka masa yang singkat (Fredenburg, 1971).

Eysenck (1975) menyatakan golongan *ekstrovert* merupakan individu yang suka bergaul, bersukaria, mempunyai ramai kawan, memerlukan teman untuk bercakap dan tidak suka belajar bersendirian. Individu ini juga menimbulkan kegembiraan, pandai mengambil peluang, bertindak dalam jangka masa yang singkat dan bersikap impulsif. Malahan individu *ekstrovert* pandai berjenaka, selalu mempunyai jawapan yang sedia ada dan sukakan perubahan. Mereka juga suka untuk terus bergerak, progresif membuat sesuatu, agresif serta mudah naik marah. Perasaannya tidak dapat dikawal dengan baik dan sukar untuk mempercayainya (Chong, 1993).

Hjelle dan Ziegler (1992) menyatakan bahawa manusia ekstroversi mempunyai sifat kepimpinan namun cenderung untuk memilih gaya hidup tenang dan senang, gemar bercakap, pandai serta suka bersosial, agresif, mudah berubah, optimistik dan aktif.



Kesimpulannya dalam kajian ini pelajar yang dikategorikan sebagai berpersonaliti *ekstrovert* ialah pelajar yang aktif, suka bergaul, tidak malu untuk bercakap, periang, bersikap impulsif, mudah mengekspresikan diri dan perasaannya. Personaliti *ekstrovert* dalam kajian ini ditentukan melalui analisis min. Individu yang mendapat skor di atas min dikira mempunyai personaliti *ekstrovert*.

1.8.4 Introvert

Individu dalam kategori ini pula dikatakan pembalikan daripada *ekstrovert*.

Menurut Carl Jung (dalam Fredenburg, 1971, ms.25) mereka lebih cenderung mengarah tenaga ke dunia dalamannya yang merangkumi idea-idea dan perasaan atau dalam erti kata lain memandang ke dalam diri sendiri. Mereka dikatakan mempunyai masalah dalam berkomunikasi, sering mengelakkan diri dari berinteraksi secara aktif dengan alam sekeliling, berkeupayaan mengkhayalkan sesuatu dan suka mengelamun, serta tidak menekankan kepada perkara praktikal. (Schultz, 2001).

Pernyataan ini dipersetujui oleh Eysenck (1975) mereka yang mempunyai personaliti jenis *introvert* cenderung berdiam diri, imajinatif, lebih berminat dalam idea-idea dan pemikiran berbanding berinteraksi dengan dunia sekeliling. Mereka juga bersifat terkawal, ragu-ragu, refleksi, menghindarkan diri serta defensif.





Menurut Brody (1972) individu *introvert* mempunyai tendensi untuk merancang apa yang hendak dibuatnya, tidak suka kepada kegembiraan, mengambil berat kehidupannya dengan serius dan terancang. Daya pengawalan dirinya adalah tinggi, jarang bertingkah laku secara agresif serta mudah dipercayai atau pesimistik dan menaruh nilai yang tinggi dalam etika *standard*.

Manakala Hjelle dan Ziegler (1992) juga memberikan pernyataan yang hampir sama berhubung dengan individu *introvert*. Mereka berpendapat individu jenis ini mempunyai sifat-sifat tenang, tidak mudah marah, boleh dipercayai, berhati-hati, pasif, pesimistik, rigid dan tidak suka bersosial dan pendiam, keadaan ini akan mewujudkan rasa ketidakselesaan dalaman pada diri mereka seterusnya mengurangkan tingkah laku komunikasi lisan individu yang terbabit.

Sebagai kesimpulan individu *introvert* dalam kajian ini adalah difokuskan kepada individu yang tidak suka berinteraksi atau bersosial dengan persekitaran mereka, pemalu, pesimistik, defensif dan mereka lebih berminat menjalani kehidupan dengan cara tersendiri iaitu bersendirian sambil memerhati persekitaran mereka daripada mencampurinya.

1.8.5 Tingkah laku

Tingkah laku dalam kajian ini merujuk kepada perlakuan atau sikap pelajar terhadap disiplin atau peraturan di sekolah. Masalah pelajar dirujuk kepada





badan disiplin sekolah. Disiplin pula berpandukan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh pihak sekolah dan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Segala tingkahlaku yang bertentangan dengan prinsip-prinsip disiplin yang ditetapkan dianggap melanggar disiplin. Dalam mengelaskan pelajar berdisiplin dan tidak berdisiplin, pelajar yang bertingkahlaku mengikut norma-norma yang ditetapkan adalah pelajar yang berdisiplin, manakala mereka yang bertindak di luar daripada norma contoh ponteng, merokok, melanggar etika berpakaian, bergaduh, merosakkan harta benda sekolah dianggap pelajar tidak berdisiplin.

Pekeliling Iktisas Bil. 9/1975, menyenaraikan 17 jenis perlakuan yang

melanggar disiplin di sekolah, antaranya:



- i. Menjadi ahli pertubuhan haram
- ii. Membawa senjata bahaya dengan tujuan jahat.
- iii. Memukul guru
- iv. Mengancam guru, guru besar atau pengetua.
- v. Melanggar peraturan sekolah
- vi. Menulis dalam akhbar tanpa mendapat kebenaran daripada pihak sekolah.
- vii. Sengaja merosakkan harta benda sekolah atau kerajaan
- viii. Sengaja merosakkan harta persendirian, guru atau murid-murid
- ix. Mencuri
- x. Mengacau murid lain secara serius atau merbahaya
- xi. Menghisap rokok dan salah guna dadah
- xii. Berjudi
- xiii. Meminum minuman keras yang memabukkan di kawasan sekolah
- xiv. Membantah hukuman guru
- xv. Menunjukkan sikap bongkak dan membuat pengkhianatan terhadap guru, guru besar atau pengetua.
- xvi. Sengaja menimbulkan sesuatu perkara yang sensitif dengan tujuan untuk menimbulkan kacau bilau dan pecah belah.
- xvii. Melanggar peraturan-peraturan tatatertib.





Dalam kajian ini, pengkelasan pelajar berdisiplin dan tidak berdisiplin adalah berpandukan kepada rekod profil guru disiplin dan guru-guru yang mengajar pelajar tersebut.

1.8.6 Status jantina

Status jantina dalam kajian ini merujuk kepada jantina para responden iaitu lelaki dan perempuan dengan mengkaji perbezaan antara jantina, pengkaji dapat mengetahui sama ada terdapat perbezaan atau tidak aspek nilai dengan status jantina.



1.8.7 Status Sosioekonomi (S.E.S)

Status sosioekonomi dalam kajian ini merujuk kepada latar belakang keluarga responden yang meliputi aspek pendidikan dan pendapatan keluarga. Pembahagian tahap sosio-ekonomi adalah berdasarkan tahap *standard* pendapatan penduduk Malaysia bagi tahun 1996-2000 yang terdapat dalam Rancangan Malaysia ke-7 iaitu:



Jadual 1.2**Rancangan Malaysia Ke-7 (1996-2000)**

Status Sosioekonomi	Pendapatan Sebulan
Tinggi	> RM 3000.00
Sederhana	RM 1000.00 – RM 3000.00
Rendah	< RM 1000.00